



## **SIARAN MEDIA**

### **MAJLIS PERASMIAN MINGGU SAINS NEGARA TAHUN 2020**

#### **PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

**REMBAU, 5 September 2020** – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang memainkan peranan penting sebagai agensi peneraju bagi merealisasikan Minggu Sains Negara (MSN) 2020 Peringkat Negeri Sembilan yang dilancarkan hari ini.

MSN 2020 yang telah memasuki tahun ke-3 pelaksanaan MSN di seluruh Malaysia bertujuan memartabatkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) tempatan dalam menyokong perjalanan dan visi negara ke arah kemajuan teknologi. Objektif utama penganjuran MSN 2020 adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan STI dalam kehidupan seharian.

MSN 2020 memberi fokus kepada pengukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) agar dapat menarik serta meningkatkan potensi pelajar yang memilih jurusan STEM selaras dengan agenda STEM negara. Selain itu, program ini adalah platform bagi menghargai, mengiktiraf dan menonjolkan sumbangan serta kejayaan negara dalam bidang Sains.

Turut diadakan bersempena MSN 2020 Peringkat Negeri Sembilan adalah program Kembara Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE). Kembara STIE merupakan program jelajah MOSTI ke seluruh Malaysia yang akan menyediakan platform bersepadu kepada syarikat swasta, institusi awam, pakar teknologi, saintis, penyelidik, ahli akademik, pelajar universiti serta agensi-agensi di bawah MOSTI untuk berkerjasama dan meraikan STI.

Kembara STIE ini akan memberi pendedahan STI kepada masyarakat melalui pelbagai pengalaman pembelajaran yang interaktif dan imersif melalui *showcase*, bengkel, forum, pertandingan, persembahan dan banyak lagi. Antara pertandingan yang sedang dan akan diadakan bersempena MSN 2020 Peringkat Negeri Sembilan adalah:

a. **Peringkat Kebangsaan**

**Pertandingan Menulis Esei Sains** sempena Minggu Sains Negara 2020 yang terbuka kepada tiga (3) kategori iaitu kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengah Atas

b. **Peringkat Negeri Sembilan**

1. Pertandingan Melukis Poster 2020
2. Pertandingan Video Nuclear Best Friend Forever (BFF)
3. Pertandingan Video Resensi Buku
4. Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak
5. Pertandingan Go Engineer

## 6. Pertandingan Inovasi

Penganjuran MSN tahun lalu (2019) secara keseluruhannya telah berjaya mencapai 92.8% iaitu sejumlah 928,206 penglibatan daripada masyarakat Malaysia sekali gus memberi gambaran bahawa masyarakat amat tertarik dengan program-program berkaitan Sains dan Teknologi serta STEM yang disampaikan melalui program Minggu Sains Negara ini.

**TAMAT**

---

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai ini, sila hubungi:

Cik Hasfazilah Hassan  
Pengurus Komunikasi Korporat  
Agensi Nuklear Malaysia  
012-5001051

Puan Norliza Abdul Mihat  
Pen Pegawai Perhubungan Awam  
Agensi Nuklear Malaysia  
012-2351824